



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka

Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115

E-mail : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : **UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (11)**

Rujukan Tuan (Your Ref.) :



13 Julai 2011
11 Syaaban 1432

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 6/2011

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Durian Tunggal, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PERATURAN VIREMEN VOT 21000 (PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP) DAN VOT 29000 (PERKHIDMATAN ASAS) BAGI KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN YANG MELIBATKAN GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab mengenai pembekuan vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sara hidup) dan viremen keluar vot 29000 (perkhidmatan asas) bagi Kumpulan Wang Penyelidikan yang melibatkan geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti sahaja.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pentadbiran setiap Fakulti dan Pusat Tanggungjawab memproses viremen yang melibatkan vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sara hidup), vot 29000 (perkhidmatan asas) dan lain-lain vot.
- 2.2 Walau bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan yang dikesan berkaitan proses viremen yang melibatkan vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sara hidup) dan vot 29000 (perkhidmatan asas).

- 2.3 Ketua penyelidik tidak menggunakan kesemua peruntukan yang disalurkan untuk vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sara hidup) dan vot 29000 (perkhidmatan asas) atas sebab-sebab tertentu.
- 2.4 Ini boleh mengakibatkan lebihan peruntukan di dalam vot-vot berkenaan dan ketua penyelidik mungkin akan mula memohon untuk membuat viremen masuk atau viremen keluar dengan mengemukakan pelbagai justifikasi.

3.0 CADANGAN

- 3.1 Vot 29000 (perkhidmatan asas) bagi Kumpulan Wang Penyelidikan terbahagi kepada dua jenis vot iaitu vot 29000A (bayaran kepada pekerja sementara dan sambilan) dan vot 29000B (perkhidmatan asas).
- 3.2 Bagi geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti mulai Pusingan 1/2011 dan seterusnya, ketua penyelidik perlu memohon peruntukan vot 29000A selepas kelulusan geran diperolehi dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Peruntukan vot 29000B pula perlu dinyatakan keperluan peruntukan dengan jelas dalam kertas kerja semasa permohonan dibuat.
- 3.3 Oleh itu, Pejabat Bendahari telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peraturan berkaitan viremen vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sara hidup) dan vot 29000 (perkhidmatan asas) bagi Kumpulan Wang Penyelidikan yang melibatkan geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti sahaja.
- 3.4 Tujuan inisiatif ini adalah untuk memudahkan kawalan dan pemantauan dibuat ke atas vot 29000A dan vot 29000B di mana ketua penyelidik perlu mematuhi segala peraturan viremen yang telah ditetapkan.
- 3.5 Peraturan ini telah diperakukan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan, Inovasi dan Hubungan Industri Bil. 3/2011.

4.0 KAEDAH KAWALAN DAN PEMANTAUAN VIREMEN

- 4.1 Sebarang viremen masuk dan viremen keluar vot 21000 adalah **tidak dibenarkan** bagi geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti sahaja.
- 4.2 Sebarang viremen masuk dan viremen keluar untuk vot 29000A adalah **tidak dibenarkan** bagi geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti mulai Pusingan 1/2011 dan seterusnya.

- 4.3** Viremen masuk dan viremen keluar vot 29000A untuk geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti tahun 2009 dan 2010 masih lagi **dibenarkan** dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- 4.4** Viremen keluar untuk vot 29000B adalah **tidak dibenarkan** bagi geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti mulai Pusingan 1/2011 dan seterusnya. Hanya viremen masuk sahaja **dibenarkan** untuk vot 29000B.
- 4.5** Untuk geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti tahun 2009 dan 2010, viremen masuk dan viremen keluar vot 29000B masih lagi **dibenarkan** dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- 4.6** Setiap permohonan viremen masuk dan keluar vot 29000A dan vot 29000B yang melibatkan geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti mulai Pusingan 1/2011 dan seterusnya serta geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti untuk tahun 2009 dan 2010 perlu disertakan dengan borang viremen UTeM/CRIM/RND/007B yang lengkap diisi beserta justifikasi yang tulen sebelum dihantar ke Bahagian Pengurusan Kewangan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi untuk diproses.
- 4.7** Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi akan mengeluarkan surat makluman kepada pemohon sama ada permohonan viremen diluluskan atau tidak diluluskan.
- 4.8** Sebarang permohonan viremen tidak akan dipertimbangkan jika penyelidik gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1** Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)